

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, April 1, 2019 1:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dato' Saifuddin Rasmi Treaty Room Uum



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

01 APRIL 2019 / 25 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

DATO' SAIFUDDIN RASMI TREATY ROOM UUM



UUM ONLINE: Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah menyempurnakan Majlis Perasmian Treaty Room yang terletak di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman mengiringi beliau ke ruangan hadapan bagi menandatangani plak seterusnya merasmikan Treaty Room.

Saifuddin berkata, Treaty Room merupakan satu tradisi dalam hubungan antarabangsa yang menyaksikan acara utama yang ditandatangani.

“Tahniah kepada SoIS UUM kerana menghidupkan suatu proses disiplin dalam hubungan antarabangsa dan UUM adalah universiti pertama di Malaysia yang mempunyai Treaty Room,” ucapnya.

Sejarah penubuhan Treaty Room ini bermula apabila pihak Pengurusan Universiti berpendapat memandangkan SoIS mempunyai bidang Hubungan Antarabangsa maka difikirkan perlulah untuk mengadakan satu Treaty Room.

Bilik ini menyerupai Treaty Room yang terdapat di bangunan Wisma Putra yang kini dikenali dengan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) yang bertujuan memberi idea serta pendedahan kepada para pelajar berhubung keadaan dan susun atur sebenar sesebuah Treaty Room.

Semenjak Treaty Room ini mula beroperasi pada pertengahan 2015, pelbagai aktiviti telah dijalankan di Treaty Room ini antaranya program simulasi UUM Model of United Nations, Majlis Menandatangani MOU; Program Diploma in Diplomacy (DiD 2018), serta kuliah berhubung institusi regional dan antarabangsa yang lain.

Ternyata para pelajar dan staf akademik SoIS telah memperolehi banyak manfaat daripada program yang dianjurkan di dalam Treaty Room ini, dan sebenarnya amat bermanfaat bagi mereka untuk menceburi bidang pekerjaan setelah tamat pengajian kelak.

Sejurus selepas itu, Saifuddin turut menyampaikan ceramah bertajuk Malaysian Foreign Policy Under The New Malaysia Government yang mengulas dasar luar Malaysia di bawah kerajaan Pakatan Harapan dari aspek perubahan dalam kesinambungan, di Auditorium SoIS.

“Perubahan dalam kesinambungan memberi fokus kepada 3 komponen utama kepentingan nasional antaranya meneruskan usaha dalam kedaulatan yang melindungi kemerdekaan negara dan integriti wilayah selain meningkatkan kedudukan ekonomi negara dalam memastikan kejayaan dan kestabilan yang berterusan,” ucapnya.

Ujarnya, kerajaan turut mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur 2.0 yang lebih terarah kepada etika kerja dan disiplin.

Sebagai kesimpulan beliau menetapkan hala tuju, tujuan dan keutamaan dasar luar negeri, yang boleh dikongsi dan dihargai oleh semua pihak berkepentingan dalam negeri, tanpa mengira latar belakang selain Kepentingan pelaksanaan dasar domestik yang berkesan dan mengamalkan nilai integriti sebelum meluaskan ke dalam dasar luar negeri.

Hadir sama, isterinya, Datin Norlin Shamsul Bahri, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, pelajar antarabangsa dan warga kampus.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.